

Newspaper	Berita Harian
Date	18 June 2015

e-Rezeki mampu ganti fungsi BR1M

BH-18/6/2015

» Program beri pendapatan tambahan golongan B40

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Program e-Rezeki yang memberi pendapatan tambahan kepada golongan bawah 40 peratus (B40) berupaya menggantikan fungsi Bantuan Rakyat Malaysia (BRiM) secara berperingkat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan mensasarkan lonjakan pendapatan bulanan peserta program baharu itu daripada RM2300 tahun lalu kepada RM5,000 menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, wadah yang memberi peluang kepada kumpulan B40 meraih pendapatan sampingan itu antara lain menandakan Malaysia kini dalam fasa peralihan ke arah era digital ekonomi.

"Jangan hadkan ledakan pembangunan era digital ini hanya di Cybejaya, tetapi kena meresap ke seluruh akar umbi rakyat.

"e-Rezeki ini harus diteriis-

kan dan diperkukuhkan supaya ia menjadi teras untuk menjana pendapatan rakyat menerusi peluang yang menanti di dunia digital," katanya dalam pelancaran program hasil inisiatif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Chek; Menteri Wilayah, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ketua Pegawai Eksekutif MDeC, Datuk Yasmin Mahmood.

Antara tugas atau kerja dipelopori peserta program itu termasuk pengesahan data komputer, menyemak kesesuaian gambar sebelum diterbitkan dan penyuntingan visual.

Pendapatan cecah RM2,500

Kadar pendapatan pula, berbeza mengikut jenis dan kadar masa kerja, manakala pendapatan tambahan yang dijana sekitar RM300 hingga RM2,500.

"Penghasil bahan animasi boleh meraih pendapatan tinggi berbekalkan latihan yang diberi oleh 'Siberguru' di pusat e-Rezeki, selain menggunakan kemudahan sedia ada.

"Kadar bayaran lazimnya tertakluk kepada jenis kerja

INFO

e-Rezeki

- Ⓞ Pendaftaran sebagai pekerja digital secara atas talian di www.erezeki.my
- Ⓞ Sasaran kumpulan berpendapatan bulanan isi rumah kurang RM4,000.
- Ⓞ 22 wakil e-Rezeki dilantik pada penghujung tahun 2015.
- Ⓞ Sebanyak 11 pusat e-Rezeki dibina secara berperingkat termasuk di Sabah dan Sarawak.

4 langkah pendaftaran

- Ⓞ Daftari di www.erezeki.my atau kunjungi Pusat e-Rezeki berdekatan untuk maklumat.
- Ⓞ Hadir latihan bekerja di Pusat e-Rezeki untuk mengetahui jenis tugas dan kelayakan.
- Ⓞ Selepas layak, layari platform memilih tugas yang ingin dilaksanakan dan ikut arahan menyiapkan tugas.
- Ⓞ Pembayaran selepas tugas disiapkan.

Pekerjaan ditawarkan

- Ⓞ Penulis buku cerita kanak-kanak
- Ⓞ Pereka grafik
- Ⓞ Penyunting
- Ⓞ Penterjemah bahasa
- Ⓞ Pelukis komik

kerana lebih tinggi kepakaran atau masa yang diperlukan, lebih besar pendapatannya," katanya.

Empat pusat perintis

Najib yang melancarkan empat pusat perintis e-Rezeki, masing-masing di Kuala Terengganu, Kuantan, Shah Alam dan Alor Setar menyifatkan ia sebagai bermakna kerana umat Islam di seluruh negara kini di ambang Ramadan.

"Bulan mulia ini menuntut kita untuk beramal jariah dan memperbanyakkan kerja kebajikan, justeru program yang menambah rezeki golongan berpendapatan rendah ini juga dikira sebahagian daripada amalan baik," katanya disambut tepukan gemuruh lebih 2,000 penduduk PPR Desa Rejang.

Capaian jalur lebar berkelajuan tinggi setakat ini, katanya, sudah melepasi sasaran apabila berada pada tahap 84 peratus penghujung tahun lalu.

Katanya, pembangunan impak tinggi itu terus memacu ekonomi digital yang kini menyumbang 16.38 peratus terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perangkaan itu dijangka terus meningkat kepada 18.22 pada 2020.

"Mungkin mereka ini (peserta e-Rezeki) tidak memerlukan lagi BRiM kerana boleh berdikari dan membantu menambah pendapatan isi rumah.

"Saya harap program ini tersebar luas secepat mungkin dengan sokongan sewajarnya disalurkan kerajaan kerana transformasi sosioekonomi golongan B40 ini memerlukan tumpuan khusus," katanya.